

RAHMAN IMUDA

POLITIK SARKIS

MALAYSIA PASCA 9 MEI 2018

9595

AH





lib

POLITIK SARKIS

MALAYSIA PASCA 9 MEI 2018

RAHMAN IMUDA



PERDANA
LEADERSHIP
FOUNDATION
YAYASAN
KEPIMPINAN
PERDAMA



POLITIK SARKIS

MALAYSIA PASCA 9 MEI 2018

RAHMAN IMUDA

PUSTAKA PERDANA



1013247

ILHAM BOOKS

Kuala Lumpur

2022



POLITIK SARKIS: MALAYSIA PASCA 9 MEI 2018

Hak Cipta Terpelihara @ Rahman Imuda, 2022

Hak Cipta Penerbitan @ ILHAM Books, 2022

Terbitan Pertama, 2022

Diterbitkan oleh:

ILHAM BOOKS (002683798-H)

No. 94(G), Jalan Nilai Square 3, Nilai Square,
71800 Nilai, Negeri Sembilan, MALAYSIA

Facebook: www.facebook.com/ilhambooks

Email: admin@ilhambooks.com

Website: www.ilhambooks.com

Hotline/WhatsApp: +6011-1060 1403

Hak Cipta Terpelihara. Setiap bahagian daripada terbitan ini tidak boleh diterbitkan semula, disimpan untuk pengeluaran atau dipindahkan kepada bentuk lain, sama ada dengan cara elektronik, mekanik, gambar, rakaman dan sebagainya tanpa izin pemilik hakcipta terlebih dahulu.

ISBN: 978-967-2007-53-1

Ketua Editor: Muhammad Din

Editor: Salsyahirah

Pruf: Bukhari

Atur huruf: Salsyahirah

Reka kulit: Bukhari

Jualan & Pemasaran: Harith & Anis

Dicetak oleh:

MIHAS Grafik Sdn Bhd

No. 9, Jalan SR 4/19, Taman Serdang Raya
43300 Seri Kembangan, Selangor Darul Ehsan

9

324.9595

PAH



PERDANA
LEADERSHIP
FOUNDATION
YAYASAN
KEPIMPINAN
PERDANA

ISI KANDUNGAN

PRAKATA	ix
Bahagian 1: ERA PAKATAN HARAPAN	13
Bab 1 Penglibatan Anak Muda dalam Demokrasi	15
Bab 2 Pilihan Raya Umum 14: Kemenangan Rakyat	19
Bab 3 Rakyat Kena Buktikan Kita Bukan Manusia Pelupa	23
Bab 4 PTPTN: Pembayaran Setelah Bergaji RM4,000 Ditangguhkan	27
Bab 5 Pejuang Bahasa di Pusat Karaoke	31
Bab 6 Peminjam PTPTN Dibebaskan untuk Dibankrapkan	35
Bab 7 Jangan Khianati Janji kepada Rakyat	39
Bab 8 Lantikan Dr. Maszlee sebagai Presiden UIAM Satu Kesilapan	43
Bab 9 Pakatan Harapan akan Rebah kerana Pendukungnya	47
Bab 10 Menghadap Menteri, Mahasiswa Kurang Ajar!	51
Bab 11 Malaysia Baharu: Jalan Raya yang Busuk	55
Bab 12 Autonomi Universiti: Siapa yang Untung?	59
Bab 13 Nobita Telah Menjadi Mimpi Ngeri Anak Muda	63
Bab 14 Maafkan Kami Wan Saiful Wan Jan	67
Bab 15 Isu ICERD dan Kenduri Kesyukuran	71
Bab 16 Dr. Maszlee, Belajarlah daripada Sejarah	75
Bab 17 PTPTN Terlalu Gopoh	79
Bab 18 Memberi Kegembiraan, Tanpa Mengikuti Thanos	83
Bab 19 Menolak PPSMI Bukan Bermaksud Menolak Kepentingan Bahasa Inggeris	87
Bab 20 Bahasa Bangsaku Tidak Lagi Berjiwa	91
Bab 21 Merenung Parti Keadilan Rakyat	95

Bab 22	Lebih 600,000 Pekerjaan, Adakah Anda sedang <i>High</i> ?	99
Bab 23	Mengapa Pakatan Harapan Kalah di Media Sosial	103
Bahagian 2: ERA PERIKATAN NASIONAL		107
Bab 24	Ketika Pengumuman Kabinet Menjadi Jenaka	109
Bab 25	Pendidikan Era Covid-19: Kita Harus Melihat Akar Permasalahan	113
Bab 26	Tanpa UMNO, BERSATU Mustahil untuk Menjadi Kerajaan	117
Bab 27	Kita Tidak Mampu untuk Menghadapi PKP Kali Kedua	121
Bab 28	Kerajaan Perlu Fokus Melihat Kelompok yang Paling Berisiko	125
Bab 29	Pembinaan Parti Anak Muda Perlu Perancangan Rapi	127
Bab 30	Rakyat Malaysia Kehilangan Identiti Sepunya	133
Bab 31	Kita tidak Boleh Menjadi Masyarakat yang Gelojoh	137
Bab 32	Rasisme Berlaku Kerana Kelas Sosial, Bukan Bangsa	141
Bab 33	Perubahan Politik Tidak akan Berlaku Tanpa Perubahan Sosial	145
Bab 34	Mengintai PRU15: Apa yang Kita Boleh Jangkakan?	149
Bab 35	Kita Harus Perkenalkan Indeks yang Berhormat	153
Bab 36	UMNO Harus Membuktikan Mereka Tidak Cakap Kosong	157
Bab 37	UMNO Harus Mengambil Peluang, Jangan Ulangi Kesilapan BERSATU	161
Bab 38	Wayang Politik Kita Telah Memasuki <i>End Game</i>	165
Bab 39	Melepaskan Diri daripada Perbincangan Perkauman	169
Bab 40	Keputusan Majlis Raja-Raja: Menyelamatkan Demokrasi	173
Bahagian 3: ERA KERAJAAN TIDAK BERNAMA		177
Bab 41	Politik Baharu bukan Bermaksud Ketawa Bersama	179
Bab 42	Anak Muda Tidak Perlu Terlalu Hormat Warga Emas Politik	183
Bab 43	Mentimahkan Belanjawan Negara	187
Bab 44	Keluarga Malaysia: Perlu Membantu, bukan Membantut	191

Bab 45	Menyelesaikan Kenaikan Harga Barang Memerlukan Akal	195
Bab 46	Masalah Pasaran Buruh di Malaysia Semakin Tenat	199
Bab 47	Pasaran Buruh Kita Perlukan Perubahan Segera	203
Bab 48	Melawan Pengangguran Era Covid-19	207
Bab 49	Kerajaan Perlu Umum Bantuan Sosial Sebelum PKP	211
Bab 50	Lembu Punya Tahi, Sapi Dapat Nama	215
Bab 51	Isu Pekerjaan adalah Isu Periuk Nasi, bukan Modal Politik	219
Bab 52	Mana Pergi 500 Ribu Peluang Pekerjaan dalam Belanjawan 2021?	223





PERDANA
LEADERSHIP
FOUNDATION
YAYASAN
KEPIMPINAN
PERDANA

PRAKATA

Mencatat sejarah bukanlah sesuatu yang mudah, lebih-lebih lagi terlalu banyak hal yang berlaku dalam tempoh sepanjang 2018-2021. Buat kali pertamanya tampuk kerajaan bertukar, kemudian penukaran kerajaan Persekutuan tanpa pilihan raya, dan paling penting ialah pandemik Covid-19 datang melawat dunia. Semua ini harus dicatatkan supaya ia boleh menjadi pelajaran untuk masa hadapan. Buku ini merupakan buku ketiga kompilasi esei yang saya bukukan, seperti dua buku sebelum ini saya cuba menyusun pandangan mengikut peristiwa yang berlaku. Saya berharap suatu hari nanti saya akan mempunyai kelapangan masa untuk menulis buku yang tidak berbentuk kompilasi artikel memandangkan kerjaya penulisan sukar untuk dijadikan karier di Malaysia, saya merasakan anda harus menunggu dengan lebih lama sebelum saya menulis buku seperti itu.

Kejayaan Malaysia menukar kerajaan pada Pilihan Raya Umum (PRU) ke-14 merupakan peristiwa yang penting dalam sejarah. Saya masih ingat ketika malam keputusan PRU14, saya tidak tidur walaupun harus masuk ke pejabat pada pukul 10 pagi esoknya. Ketika itu saya merasakan Malaysia berjaya bebas daripada pemimpin yang korup dan kita sedang bergerak ke arah Malaysia Baharu. Ketika itu juga, saya berharap Pakatan Harapan (PH) mampu membuktikan kepada rakyat bahawa menukar kerajaan bukanlah satu kesilapan. Sehingga hari ini, saya merasakan PH mempunyai pasukan yang paling berpotensi untuk menjadi kerajaan terbaik yang pernah dimiliki Malaysia, malangnya ia tidak berlaku.

Orang ramai telah membincangkan pelbagai sebab kejatuhan PH melalui Langkah Sheraton. Saya akan menyebutkan beberapa

perkara yang ada, sebahagiannya telah disebutkan oleh orang lain. Salah satu sebab yang jelas adalah PH terlalu *denial* dengan keadaan imej mereka di media sosial, khususnya dalam kalangan masyarakat Melayu. PH sering bersyarah tentang keinginan mereka untuk melihat negara yang lebih inklusif dan masyarakat minoriti mendapat peluang yang lebih besar. Saya percaya disebabkan hal ini, mereka lebih mudah diterima oleh masyarakat bukan Melayu selain faktor parti-parti berasaskan Melayu atau Islam sudah tentu tidak popular dalam kalangan mereka. Malangnya, sesetengah mereka terlupa maksud inklusif yang ingin dicapai, ia turut melibatkan masyarakat Melayu dan Bumiputera. Mereka tidak serius apabila berbincang isu-isu sensitif berkaitan masyarakat Melayu seperti isu Konvensyen Antarabangsa Penghapusan Diskriminasi Kaum (ICERD), Sijil Peperiksaan Bersama (UEC), Tabung Haji, Allahyarham Adib dan lain-lain. Sudah tentu isu-isu seperti ini akan digunakan oleh Pertubuhan Kebangsaan Melayu Bersatu (UMNO) dan Parti Islam Se-Malaysia (PAS), ia adalah lumrah dalam arena politik kita. Saya teringat akan isu tanglung di Sekolah Menengah Kebangsaan Puchong yang menyebabkan tujuh menteri turun sekolah untuk menyedapkan hati masyarakat. Langkah dangkal seperti ini akan mendorong perasaan panik dalam masyarakat Melayu.

Seperti yang saya tulis dalam buku ini, perubahan memerlukan masa dan strategi. Saya fikir tidak salah untuk kita mengubah polisi yang tidak popular dalam kalangan masyarakat Melayu, cuma ia perlu dilakukan secara berperingkat dan tidak terlalu banyak dalam satu-satu masa. Masyarakat juga harus diberi penerangan yang jelas dengan perubahan-perubahan yang akan dilakukan sebelum langkah itu diambil. Bersifat gelojoh ialah sesuatu yang bodoh kerana perubahan sentiasa memerlukan masa. Secara umumnya, pasukan komunikasi PH terutamanya dalam segmen Melayu telah gagal.

Kemudian kita perlu melihat dinamik pimpinan PH. Pada buku sebelum ini saya telah menulis tentang meletakkan tiga 'kepala' dalam koalisi PH merupakan satu kesilapan. Ia hal asas organisasi, bahkan dalam agama hanya perlu ada seorang yang benar-benar menjadi ketua organisasi dalam satu-satu masa. Saya rasa Anwar

dan Mahathir kedua-duanya mempunyai saham yang besar dalam kejatuhan PH. Saya berpandangan, Mahathir enggan memberikan jawatan Perdana Menteri (PM) kepada Anwar seperti perjanjian sebelum PRU14. Hakikat inilah yang mendorong Parti Pribumi Bersatu Malaysia (BERSATU) menerima ahli-ahli Parlimen Barisan Nasional (BN) yang melompat parti. Mahathir ingin mengukuhkan kedudukan BERSATU dalam PH, memandangkan mereka memiliki PM yang mempunyai kerusi minoriti. Strategi ini dikesan oleh pasukan Anwar, dan disebabkan hal itu mereka sering mendesak agak Mahathir memberikan baton kepada Anwar, dan hal ini tidak digemari oleh pasukan Mahathir. Keputusan Mahathir meletakkan jawatan sebagai PM juga merupakan satu kesilapan yang besar. Barangkali ketika itu beliau yakin akan mendapat mandat baharu daripada parti-parti politik. Saya tidak bersetuju dengan usul yang Mahathir kemukakan ketika itu, apabila beliau inginkan semua parti politik mendukungnya sebagai PM. Saya fikir ia akan menyebabkan proses semak dan imbang sukar berlaku.

Kegagalan Anwar pula adalah tidak bersifat *decisive* dalam memimpin Parti Keadilan Rakyat (PKR), dan saya merasakan ia adalah masalah kepimpinan yang teruk. Anwar seharusnya mampu membawa Azmin berbincang, atau mengesan dengan lebih awal apa yang bakal dilakukan oleh Azmin. Saya menyedari hakikat bahawa Azmin memiliki pengaruh yang besar dalam PKR, begitu juga kem Rafizi. Saya berasa Anwar tidak serius dalam usaha untuk mendamaikan kedua-dua kem - ketegangan yang semakin ketara selepas pemilihan Timbalan Presiden PKR. Berbanding cuba untuk mendamaikan kedua-dua kem, Anwar lebih sukar dasar 'pecah dan perintah', atau dalam erti kata lain, Anwar mahu kedua-dua kem berebut kasih sayang daripadanya.

Keadaan ini telah diambil peluang oleh Azmin yang akan diingati oleh sejarah sebagai individu yang bertanggungjawab menjatuhkan kerajaan tanpa pilihan raya. Azmin pula ketika itu mendapat sokongan oleh pasukan BERSATU yang mahu keluar daripada PH. Saya tidak fikir keputusan BERSATU keluar PH berada dalam kawalan Mahathir. Beliau juga telah menafikan bertanggungjawab dalam keputusan ini. Apa yang berlaku ialah

mesyuarat BERSATU telah menolak nasihatnya, ia mungkin sebab mengapa beliau tidak hadir di Sheraton.

Kejatuhan PH merupakan peristiwa yang memalukan dalam sejarah demokrasi negara kita. Walaupun PH memiliki pelbagai kelemahan, ia tetap tidak mengubah hakikat yang menukar kerajaan yang telah dipilih rakyat melalui pintu belakang adalah memalukan. Setelah kerajaan beralih, kita terus melihat beberapa insiden memalukan negara seperti Parlimen ditutup dan ahli-ahli Parlimen dihalang untuk memasuki Dewan Rakyat. Ketika ini pandemik telah dijadikan benteng untuk membunuh amalan demokrasi di negara kita. Pandemik telah menyebabkan kerajaan boleh melakukan apa sahaja yang mereka mahukan tanpa ada semak dan imbang melalui Parlimen. Saya berharap satu hari nanti akan ada siasatan tentang dana-dana yang digunakan ketika pandemik.

Ketika kerajaan PN semakin rapuh, kerajaan memperkenalkan darurat yang sekali lagi menghina institusi Parlimen negara. Kerajaan harus memohon sebanyak dua kali kepada Yang di-Pertuan Agong sebelum darurat diumumkan. Ketika darurat, sekali lagi kerajaan bebas untuk melakukan apa sahaja yang mereka inginkan. Ada beberapa kontroversi berlaku dalam tempoh ini, di samping kegagalan dasar-dasar yang mereka perkenalkan untuk membantu rakyat. Jangan lupa, dalam tempoh ini kadar kes bunuh diri mencanak, kebanyakannya berlaku kerana tekanan hidup.

Saya berpeluang untuk belajar sesuatu yang baharu sepanjang pandemik berlaku iaitu pasaran buruh. Sehingga buku ini ditulis, saya telah melakukan pembelajaran dan pemerhatian tentang pasaran buruh di Malaysia – sekurang-kurangnya 15 bulan. Ada pelbagai isu yang berlaku, dan reformasi buruh harus dilakukan dengan segera. Pandemik merupakan peluang terbaik untuk kita menekan *reset button*, malangnya peluang itu dibiarkan berlalu pergi. Saya ada menulis beberapa artikel berkaitan isu ini.

RAHMAN IMUDA

Bahagian 1
ERA PAKATAN HARAPAN



Bab 1

PENGLIBATAN ANAK MUDA DALAM DEMOKRASI

(Projek MM, 21 April 2018)

Masih ramai yang beranggapan keterlibatan anak muda dalam proses demokrasi negara tidak penting. Pada Februari tahun ini, Suruhanjaya Pilihan Raya Malaysia (SPR) mengumumkan seramai 3.6 juta golongan muda masih lagi tidak mendaftarkan diri sebagai pengundi. Jumlah ini mewakili 20 peratus daripada jumlah keseluruhan pengundi di negara ini. Cuba bayangkan perubahan dan tuntutan yang boleh dilakukan anak muda sekiranya kelompok “20 peratus” ini menjadi pengundi. Mereka boleh menjadi ‘pelanggan’ utama parti politik untuk dipenuhi kemahuannya kerana undi anak muda mampu menentukan parti politik yang akan memerintah. Menjelang PRU14 ini, perbincangan anak muda dan politik tidak banyak dibincangkan secara serius.

Kongsi Kereta dan Menaja Tiket Pelajar

Ketika Perdana Menteri mengumumkan hari mengundi adalah hari Rabu, kebanyakan rakyat yang mempunyai komitmen (bekerja atau belajar) menyatakan rasa tidak puas hati mereka. Keluhan itu ditambah dengan fakta pada kebiasaannya PRU akan diadakan pada hujung minggu atau hari yang hampir dengan hujung minggu. Meletakkan hari Rabu merupakan sesuatu yang luar biasa dan dianggap menyusahkan. Rasa tidak berpuas hati ini menyebabkan orang ramai terutamanya anak muda membuat petisyen untuk memohon cuti umum sempena PRU14. Akibat tekanan yang dipelopori oleh generasi muda yang mahir menggunakan media

sosial dan internet untuk menyatakan bantahan, akhirnya hari mengundi diumumkan sebagai cuti umum. Bukan itu sahaja, ada beberapa buah universiti yang memberi cuti atau pelepasan kuliah kepada mahasiswa.

X Selain itu, kempen berkongsi kereta dengan *hashtag* #CarPoolGE14 di media sosial telah membuktikan bahawa orang muda mempunyai idea dan semangat yang boleh memberi kesan kepada proses demokrasi di negara ini. Gabungan Pilihan Raya Adil dan Bersih (BERSIH) beranggapan pemilihan hari Rabu ialah taktik SPR untuk memastikan kadar turun mengundi pada PRU14 rendah. Jika dakwaan ini benar, maka saya fikir taktik pemilihan hari Rabu ini berkemungkinan gagal. Pemilihan hari Rabu menyebabkan ramai anak muda berasa tertindas, dan akhirnya memilih untuk pulang mengundi sebagai langkah 'protes' pada agenda mahu menurunkan kadar mengundi.

Apa yang lebih menarik lagi, usaha untuk memastikan anak muda ini mengundi sudah sampai ke tahap menyediakan tiket penerbangan untuk pelajar-pelajar yang berada di Borneo. Kempen seperti ini bertambah unik apabila bantuan itu diberikan tanpa sebarang syarat untuk mengundi mana-mana parti (di luar kerangka kepartian). Jika parti politik menyediakan kemudahan ini, pastinya ia untuk melobi undi, tetapi apabila ia digerakkan oleh anak muda yang tidak punya kepentingan, ia sesuatu yang istimewa.

Pengumuman Calon Muda dan Liga Pemuda

Setakat ini sudah ada beberapa parti yang mengumumkan calon-calon muda pada PRU14. Walaupun saya beranggapan jumlahnya masih terlalu kecil, ini membuktikan parti-parti politik melihat keperluan anak muda dalam parti mereka. Hal ini dapat dibuktikan dengan pengumuman Syed Saddiq sebagai calon PH di Muar, sentimen 'muda' kerap diulang-ulang untuk melawan stigma PH hanya untuk golongan tua. Penglibatan anak muda di Dewan Undangan Negeri (DUN) dan Parlimen penting untuk membantu proses pengubalan polisi berkaitan anak muda. Kita tidak mahu *decision maker* untuk dasar-dasar anak muda digubal oleh orang-

orang yang sudah terlalu tua. Fenomena “Orang Tua Memilih untuk Orang Muda” sering menyebabkan polisi dan dasar anak muda itu tidak ideal, bahkan tidak dekat di hati anak muda.

Salah satu lagi aksi menarik anak muda yang perlu diberi perhatian menjelang PRU14 ialah kemunculan anak muda yang menggelarkan diri mereka sebagai Liga Pemuda. Mereka telah mengumpulkan wakil-wakil anak muda yang bakal bertanding pada PRU14 dan meminta mereka melakukan “Aku Janji” sebelum bertanding. Liga Pemuda telah menawarkan 13 aku janji yang dinamakan Deklarasi Anak Muda 2017. Saya fikir janji-janji ini datang daripada kolektif-kolektif anak muda (akar umbi). Secara jujurnya saya berharap mereka menawarkan calon sendiri berbanding sekadar melobi calon-calon muda PH semata-mata. Namun kita harus akui hal ini membuktikan keterlibatan anak muda dalam proses demokrasi bukan sekadar sebagai pengundi tetapi mampu menjadi ‘pendesak dan bank idea’ kepada pemerintah.

Menghargai Fasa Tidak Tersusun Anak Muda

Beberapa bulan lepas saya berpeluang menghadiri sebuah bengkel anak muda dan demokrasi yang dianjurkan oleh Merdeka Centre. Melalui bengkel itu saya boleh membuat kesimpulan pergerakan anak muda dalam demokrasi berada pada fasa tidak tersusun tetapi banyak. Selain pergerakan pro-demokrasi, ada juga pergerakan yang sudah tidak percaya pada demokrasi kita, gerakan #undirosak misalnya. Apa-apa pun dalam keadaan tidak tersusun ini, perbincangan anak muda dan demokrasi semakin subur dan hal ini pastinya akan mampu membawa perubahan kepada negara kita.





Bab 2

PILIHAN RAYA UMUM 14: KEMENANGAN RAKYAT

(Julai 2018)

Setelah lebih 60 tahun negara diperintah oleh BN, akhirnya pada hari ini kita akan menerima kerajaan baharu. Saya seolah-olah tidak percaya dengan apa yang berlaku, negeri-negeri yang dahulunya pernah menjadi kubu kuat BN jatuh satu per satu sehingga membawa kepada kemenangan PH. Jika pada PRU13, kita dimomokkan dengan “Tsunami kaum Cina”, maka pada PRU14 “Tsunami rakyat” telah berlaku. Rakyat sudah terlalu muak dengan kerajaan yang terpalit dengan pelbagai skandal dan juga peningkatan kos sara hidup yang semakin menekan.

Permulaan Baharu Politik Malaysia

Beberapa tahun lepas, kebanyakan daripada kita sering beranggapan menukar kerajaan di negara ini ialah sesuatu yang mustahil. Saya melihat kekalahan BN pada kali ini terjadi atas beberapa faktor utama. Saya fikir kita bersetuju bahawa tanpa Tun Mahathir, maka impian untuk menukar kerajaan hampir mustahil. Kehadiran Tun Mahathir dan BERSATU telah membantu proses memecahkan undi Melayu dalam kalangan penyokong setia UMNO. Lebih-lebih lagi apabila BN terlalu kerap menyerang peribadi Tun Mahathir berbanding menjawab isu yang cuba dikemukakan oleh Perdana Menteri kita itu. Sebelum kehadiran BERSATU – saya tidak fikir bahawa orang ramai akan menduga BN bakal kalah di Johor, Melaka dan Negeri Sembilan. Terbaru, Parti Warisan Sabah (WARISAN) telah mendakwa berjaya mengumpulkan Ahli Dewan

POLITIK SARKIS

MALAYSIA PASCA 9 MEI 2018

PASCA 9 MEI 2018, RAKYAT MALAYSIA MENYAKSIKAN PELBAGAI SENARIO DAN POLITIK SARKIS MUNCUL. DENGAN KEMUNCULAN PANDEMIK TERBESAR DUNIA COVID-19, MENAMBAH RENCAH KEBEJATAN YANG SUDAH BERLAKU. DRAMA-DRAMA YANG BERCAMPUR BAUR ANTARA LUCU DAN TIDAK MASUK AKAL DIPERTONTONKAN.

BUAH FIKIRAN DAN KRITIKAN YANG DISUARAKAN BUKAN BERTUJUAN MENJATUHKAN MARUAH INDIVIDU ATAU KELOMPOK PARTI TETAPI SEBAGAI SUATU KRITIKAN SOSIAL UNTUK MENJADIKAN MALAYSIA SEBUAH NEGARA MAJU DENGAN PIMPINAN YANG BERINTEGRITI DAN KOMPETEN. POLITIK MEMPERTARUHKAN NYAWA DAN MASA DEPAN RAKYAT DAN IA BUKAN SEKADAR LAPANGAN SARKIS.

ilhambooks

www.ilhambooks.com



PERDANA
LEADERSHIP
FOUNDATION
YANG BERKUALITI
DAN BERKUALITI